

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1969**

=====

**PERWAKILAN KUASA KEPADA PEMUNGUT HASIL TANAH  
UNTUK MENOLAK PERMOHONAN-PERMOHONAN TANAH  
TERTENTU DIBAWAH KANUN TANAH NEGARA**

-----

Suatu perisytiharan telah dibuat pada 12hb Disember 1968 mengikut SL.P.U 20 bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah memberi perwakilan kuasa bawah Seksyen 13, Kanun Tanah Negara kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah dalam Negeri Selangor menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas untuk menolak terus permohonan-permohonan tanah di bawah dan mengikut Seksyen 42 (1)(a) berkenaan dengan kes-kes yang berikut:-

- (i) permohonan-permohonan untuk Tanah Kerajaan dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu dari mereka-mereka yang bukan melayu.
- (ii) permohonan untuk Tanah Kerajaan dalam kawasan Tanah Simpanan Orang Asli dari mereka yang bukan Orang Asli.
- (iii) permohonan Tanah Kerajaan yang telah dikhaskan untuk rancangan-rancangan kerajaan.
- (iv) permohonan Tanah Kerajaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk pengeluarannya kepada orang-orang dan badan-badan yang disenaraikan bawah Seksyen 43 atau disimpan di bawah Seksyen 62(1).

2. Dengan pengeluaran Pekeliling ini maka Pemungut Hasil Tanah adalah dipinta batalkan Pekeliling PTG.Sel.Bil.2/67 atau perkara yang sama.

T.T  
**(JOHAN BIN MOHD YASSIN)**  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

PTG.SEL.675 (45)

KUALA LUMPUR  
10HB JANUARI 1969